



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

MIDF SERAH ZAKAT PERNIAGAAN RM1 JUTA DI PERLIS

Chuping, Perlis, 3 Mei 2018 – Wawasan dan misi Kumpulan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dalam memperkasakan prinsip tanggungjawab sosial korporat diteruskan dengan penyerahan zakat perniagaan berjumlah RM1,000,000 kepada Negeri Perlis.

DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis mewakili Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) berkenan menerima cek pembayaran zakat tersebut daripada Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah pada upacara yang berlangsung di Istana Arau, Perlis hari ini.

Untuk makluman, MIDF telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) sejak tahun 2010 dalam melaksanakan pengurusan zakat untuk terus menerus memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan bermanfaat kepada golongan-golongan yang kurang berkemampuan.

Jumlah zakat perniagaan yang diserahkan pada hari ini akan disalurkan bagi tujuan pendidikan di Perlis. Dengan sumbangan ini juga akan dapat membantu meningkatkan taraf pendidikan anak-anak dari keluarga asnaf miskin dan fakir.

“Selain daripada melaksanakan salah satu Rukun Islam iaitu membayar zakat, MIDF juga ingin memastikan supaya golongan fakir miskin tidak terasa dipinggir sementara masyarakat berada dalam keadaan selesa menikmati kemajuan negara. MIDF tidak hanya menjana keuntungan material tetapi ingin memberikan impak yang positif dari segi pengisian kerohanian dan juga aspek pembangunan sosio-ekonomi,” jelas Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah.

###

Mengenai MIDF

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah ditubuhkan lima puluh lapan tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara. Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset and Pembiayaan Mezanin.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**Irma Mahamat Tahir**

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan
Tel: (03) 2173 8756
Faks: (03) 2173 8499
HP: (012) 492 3707
Emel: irmawati@midf.com.my

Mastura Md Mukhlas

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan
Tel: (03) 2772 1832
Faks: (03) 2173 8499
HP: (012) 2000 381
Emel: masturam@midf.com.my

Mohd Saufi Hj Husain

Penolong Pengurus Komunikasi Korporat
Kumpulan
Tel: (03) 2772 1831
Faks: (03) 2173 8499
HP: (019) 361 9714
Emel: saufi@midf.com.my